

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH
AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]** minta **MENTERI TENAGA
DAN SUMBER ASLI** menyatakan perancangan Kementerian
menggunakan tenaga solar atau angin sebagai tenaga alternatif bagi
menjana tenaga elektrik di Sabah yang sering mengalami gangguan
bekalan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selain usaha memperkukuhkan keupayaan penjanaan dan infrastruktur pembekalan elektrik dalam usaha untuk mengurangkan gangguan bekalan elektrik di Sabah, Kerajaan telah meluluskan pembangunan loji jana kuasa solar di bawah Program Solar Berskala Besar atau *Large Scale Solar* (LSS). Sebanyak sepuluh (10) pemaju dengan jumlah kapasiti sebanyak 63.9 Megawatt (MW) dijangka menandatangani perjanjian jual beli tenaga (PPA) dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) sebelum penghujung tahun ini. Kesemua projek ini dijadualkan siap dalam masa dua tahun selepas perjanjian tersebut ditandatangani.

2. Berhubung cadangan pembangunan sumber angin sebagai alternatif bagi penjanaan tenaga elektrik di negeri Sabah, Kerajaan telah pun melaksanakan satu kajian bagi mengenal pasti potensi tenaga angin di seluruh negara termasuk di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa kawasan yang berpotensi untuk penjanaan tenaga angin di Sabah tidak terletak di kawasan yang mengalami kekurangan bekalan elektrik. Selain itu, cadangan penggunaan tenaga angin bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah bukanlah satu cadangan yang sesuai dan ekonomik untuk dilaksanakan buat masa ini.

Sekian, terima kasih.